

## **Warga Emas Akan Disediakan dengan penjagaan yang lebih baik**

Kerajaan sedang bersedia untuk menyediakan penjagaan yang lebih baik kepada warga emas, kerana Thailand memasuki masyarakat kearah penuaan, serta sebahagian besar orang yang lebih tua di dalam negara memerlukan bantuan dan penjagaan jangka panjang.

Dalam ucapan kebangsaan pada 21 September 2018, Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha merujuk kapada lawatan beliau baru-baru ini ke wilayah Lop Buri untuk memerhatikan operasi projek the “Excellent Happy Home Ward”.

Projek ini, bertempat di Mukim Khao Phra Ngam, daerah Mueang, dijalankan oleh Perbandaran Khao Phra Ngam sejak 2015. Ia menyediakan sistem penjagaan jangka panjang untuk warga emas dengan menggabungkan pengurusan berasaskan pect, dan technologi.

Perdana Menteri memberi contoh projek ini sebagai model baik untuk Thailand, kerana ia dikendalikan oleh masyarakat setempat untuk rakyat tempatan. Di bawah projek itu, sejumlah sukarelawan dilatih sebagai pengurus penjagaan untuk merawat pesakit uzur dan warga emas.

Perbandaran Khao Phra Ngam menerima anugerah dari Prince Mahidol Award Conference 2017 kerana prestasinya yang luar biasa untuk memberi pertolongan kepada orang tua dan yang uzur dalam komuniti serta akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan. Ia juga dianugerahkan Hadiah Kedua dalam Inovasi dan Kecemerlangan dalam Menyampaikan Perkhidmatan Kesihatan bagi Anugerah Perkhidmatan Awam Unit Kebangsaan 2017.

Perdana Menteri mengatakan bahawa hari ini, mereka yang berusia 60 tahun ke atas di Thailand berjumlah lebih dari 10 juta, merangkumi sekitar 15 peratus penduduk. Jumlah itu juga terus meningkat, dan populasi usia warga emas dijangka mencapai 20 juta dalam 10 tahun akan datang, mewakili satu dari tiga populasi.

Menurut laporan 2016 mengenai penduduk warga emas Thailand, ramai warga emas uzur, dengan pendapatan yang sangat rendah. Bilangan warga emas yang tinggal bersendirian semakin meningkat dan ramai di antara mereka tidak dapat mengurus diri mereka sendiri kerana usia tua.

Jawatankuasa Kebangsaan untuk Warga Emas baru-baru ini memutuskan untuk memberi kebebasan kepada warga emas dan hak untuk diberi lebih banyak perkhidmatan penjagaan kesihatan dari negeri ini. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Desentralisasi Kuasa Pentadbiran akan mengambil bekerja penjaga untuk mengurus warga emas yang uzur. Kementerian Kesihatan Awam akan mengatur program latihan untuk penjaga ini untuk kesejahteraan warga emas di Thailand.

Tarikh Diterbitkan: 2 Oktober 2018